

Akar Putra cepat besar

Oleh Syifarida Muhamad Zaki
bhvarsiti@mediaprima.com.my

I Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan kacukan ayam kampung dan ayam hutan yang dinamakan Akar Putra.

Baka baharu itu lebih cergas serta mempunyai proses pembesaran yang lebih cepat, sekali gus meningkatkan jumlah pengeluaran telur.

Penemuan baka baharu ayam kampung itu mampu memberi

nilai tambah komersial industri ternakan ayam sama ada untuk daging atau telur.

Ini juga mampu menampung kekurangan ayam kampung di pasaran berikutan permintaan tinggi.

200 biji telur

Timbalan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti UPM (UCTC-UPM) yang juga ketua kumpulan penyelidikan itu, Prof Madya Dr Azhar Kasim, berkata Akar Putra mampu menghasilkan 120 hingga 200 biji telur setahun berbanding ayam kampung yang biasanya bertelur sebanyak 50 biji setahun.

"Telur yang dihasilkan lebih besar, mencapai 60 gram sebiji berbanding telur ayam kampung



Baka Akar Putra lebih cergas



**TEMPOH
PEMBESARAN
AKAR PUTRA LEBIH
SINGKAT BERBANDING
AYAM KAMPUNG
BIASA IAITU TIDAK
MELEBIHI 13 MINGGU
DAN MENGHASILKAN
AYAM SEBERAT
1.2 HINGGA 1.4
KILOGRAM SEEKOR"**

Prof Madya Dr Azhar Kasim,
Timbalan Pengarah UCTC-UPM

biasa 45 gram selain warna kulit sawo matang.

"Tempoh pembesaran Akar Putra lebih singkat berbanding ayam kampung biasa iaitu tidak melebihi 13 minggu dan menghasilkan ayam seberat 1.2 hingga 1.4 kilogram seekor.

"Baka ini menguntungkan untuk aktiviti komersial kerana boleh dipasarkan lebih awal," katanya.

Kurang lemak

Azhar berkata, ayam Akar Putra diternak secara lepas bebas supaya dapat kekal aktif untuk mendapatkan ayam yang berotot dan kurang lemak.

"Pemeliharaan secara lepas dan juga organik ini dapat meningkatkan khasiat bukan saja daging, malah telurnya turut diperakui dalam banyak kajian," katanya.

Azhar berkata, Akar Putra dikategorikan baka hibrid yang memiliki fizikal berbeza daripada ayam kampung biasa seperti leher tanpa bulu, berkaki panjang, badan yang jinjang dan lebih berisi.

Tahan sampar

Selain itu, katanya, baka Akar Putra juga mempunyai lebih ketahanan terhadap penyakit terutama sampar.

Dr Azhar menjelaskan proses kacukan itu berlaku secara kebetulan, apabila ayam hutan yang berkeliaran di kawasan itu memasuki UPM dan mengawan.

Katanya, penyelidikan itu bermula 2007 yang memberi tumpuan khusus kepada baka yang dihasilkan secara semula jadi dan berjaya menghasilkan induk betina.

Beliau berkata, Akar Putra mempunyai banyak kelebihan dan khasiat serta mempunyai potensi untuk menembusi pasaran luar negara.

Dr Azhar berkata, UPM menerima usaha sama dengan pihak lain bagi mengetengahkan baka Akar Putra dalam pasaran.

Untuk keterangan lanjut, pembaca boleh menghubungi 03-8947 1803 atau e-mel azhar@apeec.upm.edu.my

